

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATUK DR. GHAZALI BIN OTHMAN**  
**PENGARAH KESIHATAN NEGERI MELAKA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KERAJAAN NEGERI MELAKA**  
**BIL. 2/2016**

**TARIKH:**  
**15 FEBRUARI 2016 (ISNIN)**

**MASA:**  
**8.00 PAGI**

**TEMPAT:**  
**DEWAN SERI NEGERI, AYER KEROH MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*“Mencari Timba Si Anak Dara”*

*“Dibawah Sarang Burung Tempua”*

*“Salam Sembah Pembuka Bicara”*

*“Selamat Datang Untuk Semua”*

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia;

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang;

Negeri Bandar Teknologi Hijau;

Melaka 754 Tahun dan Melaka Maju Fasa Ke-2.

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis;

YAB Datuk Seri Ir. Haji Idris bin Haji Haron, Ketua Menteri Melaka;

YB Datuk Wira Haji Othman bin Muhamad, Speker Dewan Undangan Negeri Melaka;

YB Datuk Wira Haji Naim bin Abu Bakar, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;

YBhg. Sahibus Samahah Datuk Dr. Hj. Mohadis bin Haji Yasin, Mufti Kerajaan Negeri Melaka;

YB Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri;

Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian;

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin Nya jua kita dapat berhimpun pada pagi ini, dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri Bil. 2/2016. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memberi kepercayaan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Melaka untuk menjadi penganjur pada Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri pada kali ini walaupun pemberitahuan dalam tempoh yang terlalu singkat, namun terus berusaha sebaik mungkin untuk menganjurkan perhimpunan pada pagi ini dengan berpegang kepada prinsip **“kegagalan terbesar adalah apabila kita tidak pernah mencuba”**.

2. Jabatan Kesihatan Negeri Melaka (JKNM) telah ditubuhkan pada tahun 1934 yang diketuai oleh Dr. S.P. Lupprian. Objektif penubuhan JKNM adalah untuk membekalkan suatu perkhidmatan kesihatan penggalakan, pencegahan dan rawatan asas kepada orang ramai terutama sekali penduduk luar bandar untuk membolehkan keseluruhan masyarakat memperolehi dan menikmati kemudahan-kemudahan kesihatan, bagi menggalakkan

mereka mengambil bahagian dalam proses penukaran sikap ke arah mencapai taraf kesihatan yang lebih baik, dan mengelakkan berlaku dan merebaknya penyakit serta menjauhkan mereka daripada bahaya-bahaya kesihatan yang boleh menjejaskan kehidupan ekonomi dan sosial.

**YBhg. Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,**

3. Sistem penjagaan kesihatan di Malaysia telah diiktiraf sebagai salah satu sistem kesihatan yang berjaya. Kejayaan sistem penjagaan kesihatan di Malaysia pada masa kini adalah hasil kerja keras generasi terdahulu yang telah berjaya membangunkannya selepas ditinggalkan oleh penjajah. Bermula dari awal kemerdekaan, kerajaan telah membangunkan dengan pesat sistem penjagaan kesihatan yang berteraskan kepada perkhidmatan pencegahan dan kawalan penyakit secara kuratif. Dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat, kemudahan fasiliti kesihatan bagi Negeri Melaka mengikut kategori adalah seperti berikut:

i. Hospital

(Negeri 1, Daerah 2, Angkatan Tentera 1, Swasta 5)

ii. Pejabat Kesihatan 3

iii.	Klinik Komuniti	30
iii.	Klinik Pergigian	26
iv.	Klinik Desa	58
v.	Klinik 1Malaysia	19

4. Bagi menyokong penyampaian perkhidmatan kesihatan yang lebih efisien, perjawatan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka terdiri daripada pelbagai program iaitu **Pentadbiran Negeri, Kesihatan Awam, Perubatan, Pergigian, Farmasi serta Keselamatan dan Kualiti Makanan**. Sekiranya, dipecahkan mengikut kategori perjawatan seperti **Tertinggi Khas** seramai **33 perjawatan**, **Pengurusan dan Profesional 1,729 perjawatan**, **Kumpulan Sokongan I** sebanyak **5,147 perjawatan** dan **Kumpulan Sokongan II** sebanyak **1,656 perjawatan** yang menjadikan jumlah keseluruhan perjawatan bagi Jabatan Kesihatan Negeri Melaka sebanyak **8,565 perjawatan**.

5. Jabatan Kesihatan Negeri Melaka sentiasa berusaha untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan di Malaysia adalah saksama dan berkualiti tinggi bagi memenuhi ekspektasi rakyat. Dalam perkara ini, jumlah kemasukan pesakit ke wad di Hospital Kerajaan pada tahun

2015 iaitu **Hospital Melaka 76,021** pesakit, **Hospital Alor Gajah 5,842** pesakit dan **Hospital Jasin 5,767** pesakit. Manakala, kedatangan pesakit luar di hospital-hospital kerajaan bagi tahun 2015 ialah **Hospital Melaka seramai 450,648** pesakit , **Hospital Alor Gajah 131,956** pesakit dan **Hospital Jasin 60,585** pesakit. Manakala jumlah kedatangan pesakit di **Klinik Komuniti, Klinik Desa dan Klinik 1Malaysia** mengikut Daerah pada tahun 2015 seperti Daerah **Melaka Tengah seramai 945,885** pesakit, Daerah **Alor Gajah 356,838** pesakit dan Daerah **Jasin 388,570** pesakit.

6. Selain daripada itu, sumber tenaga manusia kesihatan dengan nisbah penduduk di Negeri Melaka telah melepasi nisbah Negara selaras dengan pencapaian negeri maju. Pecahan nisbah sumber tenaga manusia kesihatan adalah seperti berikut:

<b>Jawatan</b>	<b>Nisbah Penduduk (Negeri)</b>	<b>Nisbah Penduduk (Negara)</b>
Pegawai Perubatan	1 : 530	1 : 661
Pegawai Pergigian	1 : 4,668	1 : 5,112
Pegawai Farmasi	1 : 2,645	1 : 2448

**YBhg. Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,**

7. Untuk tahun 2016 ini, batas perbelanjaan yang telah ditetapkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Melaka oleh Kementerian adalah sebanyak **RM507 juta** iaitu penurunan sebanyak **4.01%** berbanding tahun sebelumnya (**RM69.6 juta**). Selain daripada itu, peruntukan bagi projek Pembangunan di bawah **Rolling Plan 1, RMK-11** bagi Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah diluluskan sebanyak 18 Projek yang berjumlah **RM 241,008,946.00** iaitu **2 projek baru** dan **16 projek sambungan** daripada RMK-10. Manakala, Jabatan ini juga telah mengemukakan senarai projek Pembangunan di bawah **Rolling Plan II, RMK-11** ke Kementerian pada 28 Januari 2016 yang lalu dimana sebanyak **20 projek** pembangunan fasiliti kesihatan telah dipohon dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah **RM 1,186,956,662.00**

8. Dengan mengambil kira kekangan peruntukan dan sumber yang terhad, maka pihak jabatan perlu menyusun semula keutamaan program mengikut halatuju Kementerian selaras dengan objektif RMKe-11 di samping mengoptimumkan perbelanjaan, mengelakkan pembaziran

dan meningkatkan kecekapan untuk mencapai *outcome* yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

**YBhg. Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

9. Sepertimana yang kita semua sedia maklum bahawa Rancangan Malaysia Ke-11 adalah bertemakan **‘Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat’**. Justeru itu, RMKe-11 adalah unik dari segi fokusnya **kepada pembangunan ekonomi berteraskan rakyat dan ekonomi berasaskan modal**. Ekonomi berteraskan rakyat ini adalah penting kerana dalam keghairahan kita untuk mencapai taraf negara maju berpendapatan tinggi, kita perlu memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi dan kekayaan negara perlu diagihkan untuk dinikmati oleh rakyat iaitu menerusi sumber kewangan secara langsung atau penyampaian perkhidmatan awam yang lebih efisien.

10. Bagi sektor kesihatan, perancangan yang dibuat adalah sejajar dengan **Pelan Transformasi Perkhidmatan Kesihatan** di bawah teras **strategik kedua** RMKe-11 iaitu **Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat** dimana Empat (4) strategi dikenalpasti iaitu:

- (a) **Pertama:** Meningkatkan sokongan yang bersasar khususnya bagi masyarakat yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan;
- (b) **Kedua:** Menambahbaik sistem penyampaian untuk *outcome* kesihatan yang lebih baik;
- (c) **Ketiga:** Memperluas kapasiti bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan; dan
- (d) **Keempat:** Mempergiat kerjasama antara sector awam, swasta dan NGO untuk meningkatkan kesedaran kesihatan.

**YBhg. Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

11. Bagi strategi pertama, Kementerian Kesihatan akan terus memberi penekanan utama terhadap pengukuhan perkhidmatan penjagaan Kesihatan Primer. Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD) terus dilaksanakan bagi memenuhi keperluan pesakit yang memerlukan penjagaan kejururawatan jangka panjang selepas dibenarkan keluar

awal daripada hospital. Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD) merupakan penyelarasan perkhidmatan perawatan di rumah yang sedia ada dan aktiviti di bawah NBOS 7, 1 *Malaysia Family Care* dimana perkhidmatan ini adalah perawatan *holistic* kepada pesakit di rumah yang memerlukan kesinambungan penjagaan dan perawatan (*continuity of care*) serta tunjuk ajar kepada penjaga (*self care*) selepas discaj dari Hospital Kerajaan.

12. Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD) ini telah dimulakan di Negeri Melaka bermula pada tahun 2014 di 3 buah Klinik Kesihatan dengan jumlah pesakit seramai 12 *orang*. Manakala, pada tahun **2015** perkhidmatan ini telah diperluaskan ke **10 buah Klinik Kesihatan** dengan jumlah **pesakit** seramai **49 orang**. Daripada program ini, didapati 12 penjaga telah boleh mengambil alih penjagaan pesakit dan 61% pesakit menunjukkan kes meningkat kefungsiannya. Oleh yang demikian, perancangan bagi tahun 2016 ini adalah untuk melatih lebih ramai petugas Kesihatan dari pelbagai kategori mengendalikan perkhidmatan PPD ini agar program ini dapat berjalan dengan lebih lancar.

13. Pengukuhan perkhidmatan penyakit kronik NCD di peringkat Kesihatan primer dilaksanakan melalui konsep Doktor Keluarga atau *Family Doctor Concept (FDC)* yang telah mula diperkenalkan pada tahun 2014. Melalui konsep Doktor Keluarga, setiap keluarga dibahagikan mengikut zon di bawah jagaan seorang pegawai perubatan dan satu pasukan kesihatan primer khusus (pelbagai disiplin) dengan menggunakan pendekatan *personalised care*. Pesakit dibahagikan kepada zon-zon tertentu mengikut alamat tempat tinggal mereka. Pesakit juga, hanya berjumpa dengan Doktor yang sama setiap kali mereka datang ke Klinik Kesihatan untuk mendapatkan rawatan. Konsep ini adalah untuk memastikan pesakit mendapat rawatan yang berterusan, holistik dan komprehensif.

14. Sehingga kini, di seluruh Malaysia terdapat **48 buah Klinik Kesihatan** yang menjalankan **Program Konsep Doktor Keluarga** ini. Manakala bagi Negeri Melaka terdapat **Tiga (3)** buah Klinik Kesihatan yang menjalankan Konsep Doktor Keluarga ini iaitu **Klinik Kesihatan Seri Tanjung, Klinik Kesihatan Durian Tunggal** dan **Klinik Kesihatan Merlimau**. Bagi tahun 2016 ini, Konsep Doktor Keluarga

terus diperluaskan ke Klinik-Klinik Kesihatan yang lain di seluruh Negeri Melaka.

**YBhg. Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

15. Di bawah strategi kedua, Kementerian Kesihatan meneruskan pelaksanaan konsep Hospital Kluster bagi memastikan semua lapisan masyarakat mendapat perkhidmatan kepakaran tanpa perlu mengunjungi Hospital-Hospital Berpakar. Bagi Negeri Melaka ketiga-tiga buah hospital di Negeri ini telah dipilih sebagai Projek Rintis Hospital Kluster Melaka yang telah bermula pada bulan April 2014 dan telah menunjukkan pencapaian yang amat memberansangkan iaitu:

- (i) Peningkatan *Bed Occupancy Rate* (BOR) di *non lead* hospital iaitu Hospital Alor Gajah dan Hospital Jasin. Dengan terdapatnya seorang Pakar Perubatan di Hospital Alor Gajah juga telah memaksimumkan BOR wad perubatan;
- (ii) Pertambahan kedatangan pesakit ke Klinik Pakar di *non lead* hospital dengan 500 pesakit di Hospital Alor Gajah

dan 800 pesakit di Hospital Jasin yang datang setiap bulan ke klinik-klinik pakar yang diadakan. Hal ini sekaligus, dapat mengurangkan kesesakan di Hospital Melaka;

- (iii) Dengan berfungsinya Dewan Bedah kedua Hospital Jasin telah dapat meningkatkan jumlah kes pembedahan yang dijalankan. Terdapat 40 hingga 50 kes pembedahan ortopedik dan pembedahan plastic yang tidak kompleks dapat dijalankan setiap bulan dengan kewujudan Dewan Bedah kedua ini;
- (iv) Mengurangkan masa menunggu bagi kes-kes AVF kepada purata 14 minggu. Malah pencapaian telah dapat ditingkatkan kepada purata 4 minggu waktu menunggu; dan
- (v) Pencapaian 100% waktu menunggu kurang 7 hari bagi pembedahan *fixation of long bone fracture* di Hospital Melaka.

16. Di samping itu, pembinaan ICU di Hospital Alor Gajah pada penghujung tahun 2015 dan akan mula beroperasi pada tahun ini. Dengan adanya kemudahan ICU ini, kes-kes kritikal tidak perlu lagi dirujuk ke Hospital Melaka

manakala kes pembedahan boleh dibuat sehingga tahap ASA III. Begitu juga, dengan pembinaan ICU di Hospital Jasin yang telah disenaraikan di dalam *Rolling Plan 1*, RMK-11 untuk dilaksanakan. Kemudahan ini juga dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan di mana kes-kes pembedahan yang lebih kompleks dapat dijalankan di Hospital Jasin sekaligus mengurangkan kesesakan di Hospital Melaka.

17. Selain daripada itu, inisiatif pengurusan kejut (*Lean Management*) juga telah dilaksanakan di kemudahan kesihatan bagi meningkatkan kecekapan dan mengoptimumkan penggunaan sumber. Dalam perkara ini, Hospital Melaka telah menjalankan aktiviti *Lean Healthcare* dan mendapat pengiktirafan A bagi projek *Lean Healthcare* ini. Pelaksanaan inisiatif ini juga, telah berjaya meningkatkan aliran rawatan (*patient flow*) dan juga keupayaan menerima pesakit baru (*bed capacity*).

**YBhg. Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

18. Selain daripada itu, bagi mengurangkan penularan penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit pula, Pelan

Strategik Denggi Kebangsaan akan dikaji semula dan program Komuniti Bebas Aedes dan Tuberkulosis (COMBAT) akan diperkukuhkan. Namun demikian, situasi semasa jangkitan **Demam Denggi** di Malaysia sehingga **Minggu Epid 5/2016** yang berakhir pada **6 Februari 2016** melaporkan sebanyak **17,143 kes**. Ini menunjukkan **peningkatan sebanyak 14.0%** atau *2104 kes* berbanding tempoh masa yang sama di tahun 2015. Walau bagaimanapun **kadar kematian Denggi** di Malaysia sehingga Minggu Epid 5/2016 **menurun sebanyak 15.9%** di negara kita. Sebanyak **37 kes kematian** telah dilaporkan pada tahun 2016 berbanding **44 kes kematian** dalam tempoh yang sama pada tahun lepas.

19. Manakala, bilangan kes Demam Denggi di **Negeri Melaka** pula **meningkat dengan ketara** semenjak awal tahun 2016. Sehingga 6 Februari 2016, Negeri Melaka telah mendaftarkan sebanyak **402 kes denggi**, iaitu **peningkatan sebanyak 37.7%**. Peningkatan tertinggi ialah di **Daerah Jasin** sebanyak **78.3% (36 kes)** diikuti oleh **Daerah Melaka Tengah** sebanyak **45.4% (79 kes)** manakala **Daerah Alor Gajah** menunjukkan **penurunan** sebanyak **6.9% (5 kes)**.

Bilangan kematian Denggi di Melaka dalam tempoh yang sama pada tahun 2016 dan 2015 adalah sebanyak 1 kes.

20. Penyakit Tuberkulosis (TB) merupakan penyakit berjangkit kedua tertinggi selepas Denggi di Malaysia dan menunjukkan tren peningkatan setiap tahun. Terdapat sejumlah **24,711 kes TB di Malaysia** pada tahun 2015. Manakala di **Melaka** sebanyak **513 kes** dilaporkan pada tahun **2015**. Cabaran utama dalam mengawal penyakit TB ini adalah untuk memastikan pesakit mendapatkan rawatan segera dan kepatuhan untuk meneruskan rawatan TB sekurang-kurangnya **selama 6 bulan** atau sehingga pesakit sembuh sepenuhnya.

21. Pada tahun 2016, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah memperluaskan aksesibiliti saringan status HIV dan kaunseling HIV ke semua Klinik-Klinik Kesihatan dan seluruh Klinik 1Malaysia. Ia adalah bertujuan untuk memudahkan kumpulan berisiko mengetahui status mereka seterusnya mencegah diri dari menularkan virus HIV kepada individu yang sihat. Selain daripada itu, Penyakit *Measles* (Demam Campak) masih lagi merupakan masalah Kesihatan Awam di Malaysia termasuk Negeri Melaka. Ia merupakan salah satu

penyakit yang boleh dicegah melalui pemberian vaksin. Pada tahun 2015, berlaku peningkatan mendadak bilangan kes-kes *measles* iaitu sebanyak 100 kes berbanding 3 kes sahaja pada tahun 2014.

22. Sehubungan dengan itu, jadual vaksinasi *measles* bagi bayi akan dipercepatkan iaitu **dos pertama** pada usia **9 bulan** berbanding usia **12 bulan** sementara **dos kedua** pada usia **12 bulan** berbanding usia **7 tahun**. Pelaksanaan jadual baru ini dilaksanakan bermula pada 1 April 2016 ini dan melibatkan bayi yang lahir pada **1 Julai 2015 dan seterusnya**. Ini adalah merupakan salah satu strategi penting untuk mencapai status *Eliminasi Measles* bagi Rantau Pasifik Barat menjelang tahun 2018.

23. Dalam perkara ini, inisiatif kawalan penyakit tidak berjangkit (*Non-communicable diseases*, NCD) atau lebih dikenali sebagai penyakit kronik meliputi penyakit seperti kencing manis (*diabetes*), penyakit kardiovaskular termasuk darah tinggi (hipertensi) dan angin ahmar (strok), kanser dan penyakit respiratori kronik. Selain daripada itu, prevalens obesiti di Malaysia adalah 30.6% dan mengikut Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya mempunyai prevalen tertinggi obesiti iaitu 43.0% diikuti oleh Negeri Melaka 36.0%.

Justeru itu, rakyat Malaysia khususnya di Melaka perlu mengambil berat tentang status kesihatan masing-masing serta perlu berusaha kearah mengamalkan gaya hidup sihat sepanjang hayat demi mengurangkan beban penyakit NCD.

24. Selain itu juga, hasil penemuan pada tahun 2015 menunjukkan terdapat peningkatan prevalens perokok di kalangan wanita dan penggunaan *smokeless tobacco*. Penggunaan *smokeless tobacco* yang meningkat adalah berikutan penggunaan rokok elektronik yang semakin meluas pada masa kini..

**YBhg. Datuk, Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati  
sekalian,**

25. Dalam usaha untuk mempergiat kerjasama antara sektor awam, swasta dan NGO pula, program intervensi Kesihatan seperti Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) akan diteruskan. Di bawah program KOSPEN, masyarakat akan dilatih sebagai ejen perubahan dalam mempromosi Kesihatan, mengendalikan pemeriksaan kesihatan dan mengatur aktiviti intervensi. Bagi negeri Melaka pencapaian KOSPEN sehingga Minggu Epid 4/2016 adalah sebanyak 11,492 (10.01%) penduduk telah disaring daripada jumlah

penduduk yang berumur 18 tahun ke atas seramai **114,492** orang di 140 buah lokaliti. Hasil saringan menunjukkan sebanyak **5,564 (48.4%)** lebih berat badan, **1,840 (16.0%)** tekanan darah melepasi paras normal iaitu 140/90 dan **6,759 (58.8%)** paras glukos darah melebihi 5.6 mmol/l.

26. Selain daripada itu, Inisiatif bebas asap rokok seperti Bandar Bebas Asap Rokok (*Smoke-Free City*) dan Kempen Riben Biru akan melibatkan penyertaan ramai anggota masyarakat untuk mengalakkan persekitaran bebas asap rokok dan melindungi orang ramai daripada bahaya penggunaan tembakau. Program *My Body is Fit and Fabulous (MyBFF)* iaitu program Kesihatan yang mensasarkan kanak-kanak dan remaja pula akan diperluas. Program ini akan melibatkan kerjasama antara Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Persatuan ibu bapa dan Guru serta pengusaha kantin sekolah.

**YBhg. Datuk, Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati  
sekalian,**

27. Pada tahun 2015 pelaksanaan projek ***Pharmacy Information System (PhIS)*** dan ***Clinic Pharmacy System***

**(CPS)** telah diperluaskan ke seluruh negara. Bagi Negeri Melaka, pelaksanaan projek ini telah dimulakan di Hospital Melaka, Hospital Alor Gajah, Hospital Jasin dan PKD Jasin dan telah berjaya 'go live'. Oleh yang demikian, perancangan bagi tahun 2016 ini supaya projek dapat dilaksanakan serta berjalan dengan lancar mengikut perancangan yang telah ditetapkan bagi PKD Alor Gajah dan PKD Melaka Tengah. Pelaksanaan projek ini dapat menjamin kesahihan dan integriti data farmasi serta autoriti terhadap kawalan perbelanjaan, rekod-rekod klinikal farmasi, kawalan inventori dan sebagainya.

28. Selain daripada menjalankan aktiviti-aktiviti kesedaran pengguna, tindakan penguatkuasaan juga gigih dilakukan oleh Cawangan Penguatkuasa Farmasi. Sepanjang tahun 2015, cawangan ini telah berjaya melakukan serbuan dan mensita ubat-ubatan tidak berdaftar dengan nilai rampasan mencecah **RM166,666.00** manakala jumlah denda yang dikenakan terhadap pesalah melalui tindakan mahkamah adalah sebanyak **RM77,500.00**. Dalam era globalisasi ini, lambakan ubat-ubatan yang diniagakan secara atas talian juga telah menjadi satu fenomena yang membimbangkan. Cawangan Penguatkuasa Farmasi telah menubuhkan satu

**Unit Jenayah Siber (*Cyber Crime Unit*)** pada pertengahan tahun 2015. Tujuan penubuhan Unit Jenayah Siber ini adalah untuk menyaring ubat-ubatan yang ditawarkan di pelbagai laman web sama ada secara sah ataupun tidak.

**YBhg. Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi sekalian,**

29. Pada tahun 2015, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah berjaya mencapai sasaran iaitu 55 industri makanan di Negeri Melaka mendapat Persijilan MeSTI (Makanan Selamat Tanggungjawab Industri). Skim Pensijilan MeSTI adalah merupakan hasil penambahbaikan dari Skim Keselamatan Makanan 1Malaysia (SK1M) bagi memudahkan enterpris makanan terutamanya pihak Enterpris yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Justeru itu, bagi tahun 2016 sebanyak 37 premis disasarkan medapatkan MeSTI dan akan direalisasikan melalui Bengkel Memperkasa Usahawan dan Karnival Makanan Selamat.

**YBhg. Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

30. Menyedari tentang ekspektasi rakyat yang tinggi terhadap perkhidmatan kesihatan yang diberikan oleh Kerajaan, maka Jabatan ini sentiasa peka terhadap keperluan dan kehendak rakyat dengan menambah baik penyampaian perkhidmatan yang berpaksikan kepada 3 nilai teras Budaya Korporat Kementerian Kesihatan iaitu Penyayang, Profesionalisme dan Kerja Berpasukan. Sesungguhnya, sistem kesihatan yang inovatif dan mapan juga mampu melahirkan rakyat yang sihat serta produktif dalam mencapai aspirasi negara maju menjelang 2020. Walaupun kita sudah berikan perkhidmatan yang baik, kita juga perlu mengakui masih ada kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki. *“We may not doing the right thing despite working hard.”*

31. Akhir kata, semoga YBhg.Datuk, Tuan-tuan dan Puan-Puan terus dikurniakan oleh Allah SWT dengan kehidupan yang sejahtera, rezeki yang berpanjangan dan sebagai ingatan, kesenangan dan kekayaan yang utama dalam kehidupan adalah kesihatan. Saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun:

*“Bunga Dedap Di Atas Para”*

*“Anak Dusun Pasang Pelita”*

*“Kalau Tersilap T tutur Bicara”*

*“Jemari Disusun Maaf Dipinta”*

32. Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahiwabarakatuh.

**Sekian, terima kasih.**